



Program Book Review JAS



Buku **Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar di Malaysia** telah ditulis oleh **Haliza Abdul Rahman, Rohasliney Hashim** dan diterbitkan oleh Universiti Sains Malaysia pada tahun 2010. Mengandungi 195 muka surat. Buku ini memuatkan 12 bab yang diusahakan oleh penulis dari latar ilmu yang pelbagai sebagai reaksi mereka terhadap kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar di Malaysia. Senarai 12 bab tersebut ialah:-

- Status Pemuliharaan Ekosistem Sungai di Malaysia;
- Penggunaan Alga Perifiton sebagai penunjuk biologi bagi pemantauan dan pemuliharaan kualiti air;

- 
- c) Pemuliharaan dan pemeliharaan ekosistem marin di Malaysia;
 - d) Ekosistem hutan bakau dan bahaya kepupusan: Tinjauan di Negeri Selangor;
 - e) Kepelbagaian spesis tumbuhan dan pemeliharaannya di Malaysia;
 - f) Peranan mikroorganisma dalam pemeliharaan dan pemuliharaan persekitaran daratan;
 - g) Pemeliharaan dan pemuliharaan Alam Sekitar menggunakan kaedah kejuruteraan genetik;
 - h) Pencemaran Udara di Malaysia;
 - i) Pendekatan kesihatan ekosistem dalam menguruskan lembangan Sungai;
 - j) Pengurusan persekitaran berdasarkan ISO 14001; dan
 - k) Pengurusan alam sekitar di Malaysia: Satu tinjauan terhadap dasar-dasar berkaitan alam sekitar.

Penerbitan buku ini bertujuan memberi pengetahuan, maklumat dan kesedaran tentang isu-isu berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di Malaysia agar alam sekitar terus terpelihara. Hal ini kerana isu alam sekitar semakin penting dan menyerlah dalam kehidupan seharian masyarakat dan menjadi agenda utama dalam pembangunan negara.

Alam sekitar sangat penting untuk dipelihara dan dipulihara kerana ia bukan sahaja memberikan perkhidmatan kepada manusia tetapi juga merupakan sistem bantuan kehidupan yang tidak ternilai. Diharapkan semoga buku ini dapat mengisi ruang yang belum diliputi oleh buku lain di samping menampung kekurangan tersebut dalam usaha memupuk sikap prihatin dan sifat kecintaan yang mendalam terhadap alam sekitar.

Safariza binti Abu Bakar

JAS Negeri Kelantan

Email: safariza@doe.gov.my